

**UCAPAN YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN
DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN MAC KPKT
20 MAC 2017 (ISNIN)
DEWAN KRISTAL, KPKT**

ALUAN

Yang saya muliakan, Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

YB Datuk Halimah binti Mohamad Sadique
Timbalan Menteri KPKT

YBhg. Datuk Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha, KPKT

YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Pembangunan, KPKT

YBhg. Dato' Halimi bin Abdul Manaf
Timbalan Ketua Setiausaha Kesejahteraan Bandar, KPKT

YBhg. Dato' Nor Inchun Binti Mohamed Salleh
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, KPKT

YBhg. Dato' TPr. Dr. Dolbani Bin Mijan
Ketua Pengarah PLANMalaysia

Ketua-ketua Jabatan dan Setiausaha Bahagian KPKT,

YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

1. Alhamdulillah pada pagi ini kita dapat bersama-sama berhimpun di Majlis Perhimpunan Bulanan KPKT bagi Bulan Mac 2017. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada PLANMalaysia yang menjadi urusetia kepada Majlis Perhimpunan KPKT pada kali ini.

TEMA PERHIMPUNAN

2. Saya difahamkan bahawa Perhimpunan Bulan ini Bertemakan '**Kebahagiaan Bermula Dari Rumah**' (*Happiness Begins at Home*). Ini bersesuaian dengan Sambutan *International Day of Happiness 2017* yang disambut pada 20 Mac setiap tahun. Sambutan *International Day of Happiness* diasaskan oleh Penasihat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu Jayme Illien pada 28 Jun 2012 apabila kesemua 193 negara anggota Perhimpunan Agung PBB sebulat suara menerima pakai resolusi PBB 66/281: *International Day of Happiness*. Sehubungan itu juga, pelancaran Sambutan *International Day of Happiness 2017* peringkat Negara juga akan diadakan di majlis perhimpunan pada hari ini.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

3. Kita sebagai penjawat awam yang bekerja dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang mempunyai 2 jenis hubungan kekeluargaan iaitu (i) keluarga bersama suami/isteri/anak-anak dan; (ii) keluarga dalam konteks tempat kerja/pejabat.
4. Hubungan kekeluargaan yang baik merupakan akar umbi kepada kebahagiaan sama ada kebahagiaan di rumah atau di pejabat. Oleh yang demikian, suka saya melihat bahawa kita di Kementerian ini merupakan satu keluarga besar yang bersama-sama bertanggungjawab menjadikan Kementerian sebagai organisasi yang berprestasi tinggi berorientasikan keberhasilan demi kesejahteraan rakyat. Pada masa yang sama kebahagiaan dan kesejahteraan di rumah perlu diutamakan selaras dengan slogan RUMAHKU SYURGAKU.
5. Menurut sumber *World Happiness Report*, *ranking* kebahagiaan Malaysia berada di tangga ke-47 dengan indeks kebahagiaan 6.01 berbanding Denmark di tangga teratas dengan indeks kebahagiaan 7.53 pada tahun 2015. Sehubungan itu, Saya berharap kita semua dapat memainkan peranan besar dalam memastikan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat sentiasa diberi keutamaan terutamanya dalam merancang serta melaksanakan program dan

projek pembangunan. Perancangan dan pembangunan yang kita jalankan seperti perumahan, taman awam dan kawasan rekreasi, pengurusan sisa pepejal, pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain tugas Kementerian akan menjadi asas kepada kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat.

6. Oleh itu, saya sangat berharap agar Sambutan *International Day of Happiness* akan menjadi salah satu daripada acara tahunan kementerian kerana perkhidmatan dan perancangan pembangunan yang kita berikan merupakan untuk rakyat yang sejahtera.

PENJENAMAAN SEMULA

7. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada PLANMalaysia kerana Mesyuarat Jemaah Menteri pada **25 Januari 2017** telah bersetuju meluluskan penjenamaan semula **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa yang juga dikenali sebagai JPBD kepada PLANMalaysia** dengan *tagline* baharu **Perancangan Melangkaui Kelaziman** (*Planning : Beyond Conventional*). Selain penjenamaan PLANMalaysia ibu pejabat, penjenamaan ini juga terpakai bagi pejabat PLANMalaysia di negeri-negeri Semenanjung Malaysia sedia ada dengan dikenali sebagai PLANMalaysia@(nama negeri). Sempena perhimpunan pada kali ini juga, Pelancaran Penjenamaan semula JPBD kepada PLANMalaysia akan diadakan sebentar lagi.

RFN KE-3, DPN2 DAN DPF DESA NEGARA

8. Selari dengan Visi PLANMalaysia untuk menjadi 'Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2020', pelbagai inisiatif telah diambil antaranya penyediaan RFN Ke-3, DPN2 dan DPF Desa Negara. Majlis *soft launch* RFN Ke-3 dan DPN2 telah diadakan pada 4 Disember 2016 di Karnival KPKT 2016 bertempat di Dataran Merdeka manakala Majlis Pelancaran Penuh RFN Ke-3, DPN2 dan DPF Desa Negara dijadualkan pada bulan Mei 2017 oleh YAB Perdana Menteri.
9. Saya juga mengucapkan tahniah kepada PLANMalaysia yang telah mengadakan Sesi YB Menteri Bersama *Stakeholders* RFN Ke-3 dan DPN2 pada 27 Februari 2017 yang lepas bertujuan untuk memberi pendedahan kepada *stakeholders* terhadap kepentingan perancangan pembangunan di peringkat Negara supaya ianya dilaksanakan di peringkat negeri dan Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT). Sesi ini telah dihadiri lebih kurang 200 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai wakil Kementerian, Jabatan, PBT, SUK Negeri, UPEN, NGO dan Badan Berkanun. Saya berharap agar Kementerian dapat menjalankan sesi seperti ini dengan lebih kerap lagi bersama Kementerian lain/Kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya kita dapat bekerjasama untuk melaksanakan apa-apa dasar dan perancangan dengan pelaksana.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2017 [AKTA A1522] (PERUNTUKAN BERKAITAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL)

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

10. Akhir-akhir ini pelbagai laporan dan berita tentang masalah sosial telah dilaporkan dan kita dengar antaranya termasuklah isu penyediaan kemudahan asas kepada penghuni bandar, isu penghijrahan penduduk desa dan pendatang asing, isu kemiskinan, isu penyediaan peluang pekerjaan, isu perumahan, pencemaran persekitaran, kesesakan lalu lintas, isu jenayah dan keselamatan penghuni serta keruntuhan moral. Ini menunjukkan betapa penting aspek sosial diambilkira dalam perancangan dan pembangunan negara ke arah mewujudkan masyarakat yang bersahsiah tinggi.
11. Menyedari akan isu-isu sosial yang timbul akibat daripada pembangunan, PLANMalaysia juga telah mengorak langkah meminda Akta 172 yang berkaitan perkara Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment - SIA*) telah disegerakan demi untuk menambah baik pertimbangan kepada aspek sosial dan kesejahteraan rakyat dalam pelaksanaan pembangunan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan mahupun swasta.
12. Rang Undang-undang (RUU) Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016 telah diluluskan di Parlimen iaitu di Dewan Rakyat pada 20 Oktober 2016 dan di Dewan Negara pada 15 Disember 2016. Rang Undang-undang ini juga telah mendapat perkenan Yang Dipertuan Agong pada 9 Januari 2017 dan telah disiarkan dalam *Warta* pada 16 Januari 2017 serta dikenali sebagai Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [*Akta A1522*].

WORLD URBAN FORUM 2018 (WUF9 2018)

13. Penganjuran WUF9 menunjukkan komitmen Kementerian dalam melaksanakan *Sustainable Development Goals* (SDG's) dan *New Urban Agenda* (NUA) dalam menangani kadar perbandaran yang tinggi iaitu 77% pada tahun 2020 dan tidak melebihi 85% menjelang tahun 2040.
14. Usaha mempromosikan penganjuran WUF9 yang akan diadakan pada tahun 2018 telah dan akan diteruskan antaranya pembentangan di peringkat negara asia di Bangkok dan Chiang Rai serta peringkat antarabangsa di Nairobi dan Paris yang dijadualkan pada Mei 2017.
15. Jawatankuasa Teknikal Penganjuran WUF9 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU sendiri telah ditubuhkan untuk menyelaras kerja-kerja persiapan penganjuran program antarabangsa ini yang julung kali diadakan di negara kita.
16. Sehubungan itu, program kolaborasi yang menjurus kepada penganjuran WUF9 juga sedang giat dijalankan oleh PLANMalaysia dengan Kementerian-kementerian lain antaranya KWP, KKM, KPM, NRE, KKR, KKLW dan sebagainya. Saya berharap kolaborasi ini akan diteruskan dan tidak hanya terhenti selepas penganjuran WUF9. Kolaborasi menjadi titik tolak Kementerian untuk menjalin hubungan baik kementerian dan agensi lain dalam melaksana agenda pembangunan negara secara amnya.

INISIATIF BANDAR PINTAR

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

17. Seiring dengan perubahan gaya hidup masyarakat berteraskan teknologi, Kementerian turut menyediakan aplikasi atas talian (e-khidmat) yang membolehkan rakyat berhubung dan mendapatkan perkhidmatan daripada Kementerian secara mudah seperti I-PLAN, OSC online, e-PBT, myHome, Aduan Sampah, eMAPS dan sebagainya.
18. Sehubungan itu juga, Kementerian telah mengambil inisiatif melaksanakan Inisiatif Bandar Pintar yang mengambilkira lima (5) elemen utama iaitu *smart infrastructure*, *smart economy*, *smart environment*, *smart social* dan *smart people*.

PELAN SEJAHTERA RAKYAT BANDAR (PSRB)

19. Pada masa ini, Kementerian sedang merangka satu Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB) yang sebelum ini dikenali sebagai Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar (PIKRB) selaras dengan misi 'Merealisasikan Agenda Pembangunan Negara Melalui Program Perumahan Rakyat, Perkhidmatan Perbandaran dan Kebombaan untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat'.
20. Dalam melaksanakan tanggungjawab untuk mensejahterakan rakyat bandar, Kementerian sedar bahawa pelan induk yang dirangka ini akan dijadikan sebagai satu perancangan strategik, satu garis panduan dan pelan tindakan secara holistik dan komprehensif dalam semua aspek yang boleh menyumbang bagi mensejahterakan rakyat bandar.

MESYUARAT AGUNG PUSPANITA KPKT KE-34 & SUKAN NASIONAL PLANMALAYSIA KE 18

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

21. Pihak Kementerian juga menggalakkan kakitangan untuk menyertai aktiviti-aktiviti sosial yang dilihat dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan semangat kekeluargaan warga KPKT. Antaranya, Mesyuarat Agong PUSPANITA KPKT Ke-34 yang telah diadakan pada 26 Januari 2017 yang telah dihadiri 500 peserta dari pelbagai Jabatan/agensi di bawah KPKT.
22. Di kesempatan ini juga, saya ingin mempromosikan aktiviti dwitahunan PLANMalaysia iaitu Sukan Nasional PLANMalaysia (SUKNA) Ke-18 yang akan diadakan pada 21 hingga 24 April 2017 di Tanjung Malim, Perak. Saya difahamkan SUKNA disertai 7 Zon iaitu Zon Ibu Pejabat, Zon Tengah, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak dengan 24 acara akan dipertandingkan.

PENUTUP

23. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia yang telah menjadi hos Perhimpunan KPKT bulan ini. Sesungguhnya saya berharap kita segenap lapisan pegawai di Kementerian akan sentiasa menjaga kesihatan masing-masing dan bekerja dalam suasana yang 'Happy' dan dapat

memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan program-program yang telah dirancang di peringkat atasan supaya kementerian dapat mencapai KPI dan dalam pada masa yang sama rakyat dapat menikmati apa yang telah kita laksanakan tersebut.

Dengan itu saya akhiri dengan wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.